LATAR FUNGSI MANUSIA DALAM PEMBENTUKAN MANHAJ AHLI ASSUNNAH WALJAMAAH

Manusia dijadikan oleh Allah semata-mata untuk **mengabdikan** diri mereka kepadaNya. (1)

Dalam konteks tujuan di atas, maka manusia telah dipertanggungjawabkan dengan suatu **amanah** yang amat berat. (2)

Amanah yang besar yang dimaksudkan ialah **keKhalifahan Allah** di muka bumi. (3)

Rasul diutuskan sebagai pembimbing dan tidaklah dipersalahkan sesiapapun sehingga telah sampai **seruan risalah** dari rasul tersebut. (4)

Risalah yang diturunkan **cukup sempurna** untuk umat Muhammad s.a.w. melalui 2 peninggalan **Sunnah Rasulullah s.a.w.** iaitu **AlQuran dan AlHadith**. (5)

Penegak sunnah akan sentiasa terus wujud dan jelas pada **setiap zaman** dan generasi. (6)

Demi untuk menjayakan ubudiyah - amanah - kekhalifahan - risalah maka adalah penting ditekankan perintah Allah kepada **berjemaah** dan laranganNya terhadap **perpecahan.** (7)

Sistem gabungan bersepadu ubudiyah - amanah - khalifah - risalah - sunnah - jemaah adalah tersusun dalam bentuk **MANHAJ** yang kukuh dan rapi dengan apa yang terkenal di zaman kita ini sebagai **Manhaj Ahli Assunnah Waljamaah.** (8)

SEJARAH TIMBULNYA PENAMAAN AHLI ASSUNNAH WALJAMAAH

Sebenarnya lahirnya penubuhan Ahli AsSunnah WalJamaah adalah disebabkan timbulnya **fitnah kelahiran golongan-golongan bid'ah** yang dimulai dengan **khawarij, syiah, murjiah, qadariah** dan seterusnya cabang-cabang dari golongan ini. Maka muncullah penamaan Ahli AsSunnah WaUamaah sebagai benteng membezakan mazhab yang hak dari mazhab-mazhab bid'ah yang batil.

1

Apabila terjadinya fitnah maka umat Islam mulai mempersoalkan tentang **sanad riwayat** dan mengkritik para perawi demi **memelihara kesucian hadith** dari pendustaan terhadap Rasulullah s.a.w. dari pihak yang tidak bertanggungjawab khususnya para ahli bid'ah yang berpecah belah.

2

Para ulamak mulai membezakan siapa yang patut diterima atau ditolak riwayatnya. Maka dibezakan penerimaan hanya dari ahli assunnah. Maka disinilah juga mulanya penonjolan **peranan ahli hadith** dalam **penubuhan mazhab Ahli AsSunnah Waljamaah dalam usuluddin.** Ahli hadith adalah mereka yang lebih mengetahui akan kesahihan agama. Merekalah **pejuang dan penegak ikutan assunnah yang tulen.**

3

Seterusnya para ulamak Ahli AsSunnah Waljamaah telah mulai menamakan kitab-kitab mereka dalam bidang **aqidah** sebagai **"kitab-kitab assunnah"** dimana dimasukkan sanad-sanad riwayat.

4

KEISTIMEWAAN ASWJ DALAM AKHLAK & PENDEKATAN BERDAKWAH MENGAJAK KEPADA PEGANGAN ASSUNNAH

ASWJ adalah **sebaik manusia untuk manusia**. Ini adalah kerana mereka ialah penanggung warisan para nabi dari kedua sudut ilmu dan amalan. Hasil yang paling disanjung daripada amalan zahir dakwah para nabi ialah **akhlak mulia.** 1

ASWJ sentiasa berpandukan **AlQuran dan AsSunnah** sebagai **dasar setiap perhubungan** sesama mereka atau pihak lain. 2

ASWJ sentiasa memelihara **keutuhan jemaah** dengan mewajibkan **ketaatan** dalam perkara yang **makruf** (kebaikan). 3

ASWJ secara umumnya **saling bekerjasama bantu membantu serta bermaafan atas kelemahan atau kesilapan** antara satu sama lain. Cara ini dapat menyesuai atau **mengkompromi** hakikat wujudnya kumpulan, parti, pembawaan, pengijtihadan tertentu di kalangan umat. Bahkan yang asalnya ialah **kesemua adalah dalam lingkungan jemaah umat yang satu iaitu Ahli AsSunnah Waljamaah.** Adalah amat penting supaya dijauhi sifat atau tindakan gopoh setengah kumpulan yang cepat menuduh atau menyesatkan antara satu sama lain. 4

ASWJ bekerjasama atau bermusuhan atas dasar agama dan bukan atas dasar selain dari itu seperti kemaslahatan peribadi, kumpulan, tarikat, kabilah, atau pembawaan tertentu. Ini adalah untuk menjauhi masalah buta fanatik. Oleh itu **dijauhi sifat menguji orang lain** dengan menyucuk mereka supaya saling menuduh, bertengkar dan bermusuh yang membawa kepada **fitnah kefasadan**, perpecahan dan akhirnya kehancuran. 5

ASWJ **berkritik dan berbincang dengan baik secara positif** dalam masalah **keilmuan (ilmiah)** dan **amalan (perlaksanaan)** dalam **suasana persaudaraan** sesama mereka. Cara penyelesaian muktamad jika terdapat apa-apa perbezaan pendapat ialah dengan **merujuk kembali kepada manhaj assalaf assoleh** (ulamak generasi terawal selepas ArRasul saw). 6

SIFAT UMUM GOLONGAN YANG TERPISAH DARI AHLI ASSUNNAH WALJAMAAH

Jahil berkenaan yang hak / kebenaran dan menilai / menghukum menurut hawa nafsu. Jahil berkenaan yang hak membuatkan mereka menilai atau menghukum dengan keraguan atau tanggapan **citarasa aqal** menurut hawa nafsu tanpa ilmu yang kukuh. Ikutan hawa nafsu menghasilkan penilaian atau penghukuman yang zalim tanpa keadilan.

1

Saling bercanggahan pendapat yang membawa kepada **perpecahan** dan **permusuhan.**

2

Berlebih-lebihan (melampau) dalam agama. Berlebih-lebihan dan meninggi-ninggikan orang-orang soleh terutama para ulamak assalaf asssoleh yang sendiri mencemuh perbuatan ini. Apatah lagi memuliakan peribadi-peribadi atau kumpulan atau pendapat ahli bid'ah luar dari yang dibataskan syarak.

3

Kemunafiqan / hipokrisi. Setiap dari golongan ini saling menfitnah golongan lain.

4

Fanatik, ekstremis atau **taassub.**

5

Pengkafiran dan pemasiqan golongan yang berlawanan dengan mereka tanpa dalil kukuh dari AlQuran dan AsSunnah dalam masalah ijtihad dan takwil.

6

TINDAKAN TERHADAP GOLONGAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AHLI ASSUNNAH WALJAMAAH

MUJTAHID YANG TERSILAP IJTIHADNYA. Banyak diantara para guru agama yang sebenarnya **tidak berpeluang** untuk mempelajari keseluruhan Manhaj ASWJ yang betul, atau **kekurangan sudut-sudut tertentu** dari ilmu syarak, atau **tidak bermaksud** untuk mengeluarkan ijtihad atau takwil yang lemah disebabkan **kefahaman atau tingkatan ilmu mereka yang lemah.**

➪ *Dimaafkan berdasarkan **keikhlasan** mereka dan tiada sampai pengetahuan MASWJ yang **mencukupi**.*

1

JAHIL YANG DIMAAFKAN. Banyak yang **tiada peluang** mempelajari ilmu agama atau manhaj yang betul dan sempurna. Mereka hanya menerima ilmu dari guru-guru yang tidak mempunyai ilmu yang kuat dan mencukupi. Ataupun mereka mempelajari dari **sistem pendidikan** yang terbentuk atas kefahaman ASWJ yang kurang tepat.

➪ *Sama tindakan/hukuman seperti (1) diatas.*

2

PELAMPAU YANG DISENGAJAKAN. Mereka dengan sengaja terus mengamalkan amalan-amalan bid'ah walaupun telah ditegur atau sampai pengetahuan Manhaj ASWJ yang benar kepada mereka. Mereka tetap berdegil disebabkan **muslihat** peribadi, kedudukan, faedah kewangan atau keduniaan.

➪ *Dikategorikan sebagai **pembuat dosa** tapi masih dikekalkan perhubungan hak mereka sebagai **muslim**.*

3

MUNAFIQ ZINDIQ. Golongan ini **menyembunyikan kebatilan** mereka dengan iktiqad dan amalan yang kufur serta membenci terhadap umat Islam khususnya ASWJ.

➪ ***Munafiq** dan jadi **kufur** jika menzahirkan kekafiran mereka.*

4

MUSRIK SESAT.

➪ *Wajib atas imam atau khalifah muslimin menyuruh mereka **bertaubat** diatas amalan syirik mereka yang mereka zahirkan.*

5

CARA AHLI ASSUNNAH WALJAMAAH BERURUSAN DENGAN GOLONGAN YANG MENYELEWENG

Kewajipan utama ASWJ terhadap ahli bid'ah ialah **menerangkan dan memberi amaran** kepada umat Islam akan kesalahan mereka. Disamping itu diajarkan pula amalan assunnah yang betul dengan jelas **1**

Membezakan berurusan dengan mereka yang **menzahirkan** amalan bid'ah dengan mereka yang menyembunyikannya. **2**

Penuh **ikhlas kerana Allah** dalam segala usaha dengan **mengharapkan perdamaian** yang baik menurut kehendak syarak. **3**

Sentiasa **mendoakan** agar diberi taufiq, hidayat, rahmat dan pengampunan Allah terhadap mereka yang mengerjakan amalan bid'ah yang nyata **belum** sampai ketahap kufur atau munafiq. **4**

Solat jemaah di belakang imam ahli bid'ah yang **tiada** sampai ketahap kekufuran demi memelihara **syiar dan penyatuan ummah**. **5**

Berhati-hati serta cuba **menjauhi kegopohan amalan mengkafir atau menfasiqkan** terutama kepada individu-individu tertentu. **6**

Tegas dalam memperjuangkan dasar atau prinsip Manhaj ASWJ tetapi berlembut dalam proses perlaksanaan disebabkan perbezaan tempat, zaman dan adat sesuai dengan kaedah **maslahah mursalah** (kemuslihatan umum diturunkan perutusan risalah Allah) iaitu **meraikan tahap kefahaman dan kemampuan** yang berbeza-beza; **peringkat demi peringkat** menuju kesempurnaan. **7**

Sabda Rasulullah s.a.w.: yang bermaksud : "**Sampaikanlah khabar gembira dan jangan menakut-nakuti. Permudahlah dan jangan menyusahkan**" **8**